

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Paparan masuk Windows 10

A DAKAH boleh *login screen* ke dalam sistem Windows 10 dihapuskan?

- MAMAT, Mengkarak.

Secara umumnya, mana-mana sistem komputer boleh ditiadakan *login screen* atau paparan masuk. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa paparan masuk ini digunakan untuk kemasukan kata nama atau login dan kata laluan untuk pengesahan masuk oleh seseorang pengguna yang dibenar masuk ke dalam akaun sistem komputer.

Walaupun perkara ini, memudahkan empunya komputer kerana terus masuk ke dalam sistem komputer tetapi sekiranya sistem komputer ini jatuh ke tangan orang lain, sesiapa sahaja boleh capai masuk ke dalam sistem komputer tersebut.

Untuk permulaan bagi sistem Windows 10, perlu menukar jenis login daripada *login e-mel* kepada *login dalaman atau local*.

Namun begitu, selepas itu akan ada sesetengah perkhidmatan oleh pihak Microsoft tidak boleh dicapai seperti aplikasi *Microsoft One Drive*. Seterusnya, akaun pengguna yang menggunakan login dalaman boleh diubah suai untuk kemasukan terus ke dalam sistem Windows. Langkah-langkahnya ada seperti yang berikut.

1 Aktifkan akaun pentadbir yang tersembunyi dalam sistem Windows dengan menaip *net user administrator /active:yes* dalam aplikasi *Command Prompt*.

2 Masuk ke dalam program *Users Account* dan pergi dan klik ke menu, *Make changes to your user account > Make changes to my account in PC Settings*.

3 Masukkan kata laluan semasa dan klik butang *Next*. Seterusnya, masukan kata nama baru, kata laluan baru sebanyak dua kali dan kata laluan dan isyarat kata laluan. Klik butang *Next*. Akhirnya, klik butang *Sign out and finish*.

4 Masuk semula ke dalam sistem Windows 10 dengan akaun pentadbir yang baru. Seterusnya pergi ke program *User Accounts > Make changes to your user account > Manage another account*.

5 Pada paparan *Choose the user you would like to change*, pilih akaun pengguna setempat yang telah dibuat. Klik pada pilihan, *change the password*, Biarkan ruangan kata laluan kosong dan ruangan isyarat kata laluan diisi dengan *none*. Klik butang *Change the password*. Seterusnya klik butang *Log Off*.

6 Pada skrin kemasukan, klik kanan pada tetikus dan pilih akaun untuk masuk.

Seterusnya ulang kembali langkah 2.

7 Pada bahagian kiri skrin, klik menu *Sign-in options*. Dalam bahagian Windows Hello, klik butang *Remove*.

Seterusnya, boleh menguji aktiviti ini sehingga berjaya. Sekiranya berjaya, nyah aktifkan semula akaun pentadbir bagi sistem Windows 10.